

Pasar Dato' Keramat perlu wajah baharu



SETELAH lama tertangguh, projek pembangunan semula Pasar Dato' Keramat, Kuala Lumpur, akan dimulakan suku pertama tahun ini. Perkara ini diumumkan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya tentunya ini berita gembira untuk peniaga dan pengunjung pasar berkenaan. Ini kerana pasar yang telah berusia 50 tahun itu sudah uzur dan tidak kondusif lagi.

Sebuah lagi pasar utama, Pasar Chow Kit, telah lama melalui perubahan. Namun Pasar Dato' Keramat masih berada pada tahap lama sedangkan ia menjadi tumpuan utama penduduk sekitarnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang melawat pasar tersebut pada 26 Julai tahun lalu menyifatkan pasar itu sangat daif. Beliau mahu Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) memberi perhatian dan keutamaan bagi pembangunan semula pasar berkenaan.

Sejajar pengumuman Dr Zaliha, pihak DBKL akan segera menjalankan proses bancian bagi membolehkan jumlah sebenar peniaga di pasar tersebut dikenal pasti. Bancian ini bagi memastikan tiada yang tercicir memperoleh lot niaga apabila projek siap kelak.

Memandangkan usia Pasar Dato' Keramat sudah lima dekad, ia bukan sahaja tidak selesa untuk peniaga dan pengunjung tetapi juga mendedahkan mereka kepada risiko keselamatan.

Cara terbaik ialah membina pasar baharu yang moden dan selamat. Inilah hasrat Anwar yang begitu prihatin. Projek sesuai dijalankan secara berfasa untuk memastikan kegiatan perniagaan sedia ada tidak terjejas.